







Kementerian Penerangan,  
Komunikasi dan Kebudayaan




# Sari Pustaka



**Sari Pustaka**  
**Bil 1/2011**

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHAMED JUSOH

**Asal usul Bukit Besi**

Selangor : Impiana Publications & Distributors, 2011.

126ms.

ISBN 978-967-5427-19-0

## ULASAN

Buku *Asal Usul Bukit Besi* ini ditulis oleh Haji Mohamed Jusoh, seorang guru, sebelum melibatkan diri selama 33 tahun dalam bidang kewartawanan. Melalui pengalaman dan nostalgia mengajar beliau menceritakan keunikan sejarah asal-usul Bandar Bukit Besi yang sememangnya terkenal di rantau ini. Bandar Bukit Besi di Hulu Dungun, Terengganu mendapat nama kerana di kaki sebuah bukit yang dikenali 'Seri Bangun' itu mula-mula ditemui galian bijih besi yang kemudiannya di kaji bukit itu sebenarnya amat kaya dengan bijih besi. Para pekerja yang terlibat dengan perlombongan di peringkat awal lagi memanggil bukit itu sebagai 'Bukit 1200'.

Penulis menyampaikan bahawa Bandar Bukit Besi juga diberi gelaran 'Bandar Satelit' kerana dilengkapi pelbagai kemudahan moden dan prasarana yang terbaik ketika itu dan mempunyai sistem kawalan keluar masuk yang rapi pada ketika itu. Perlombongan bijih besi yang beroperasi selama 55 tahun (1916-1971) sekaligus menjadikan perusahaan perlombongan itu sebagai salah satu sumber ekonomi yang

menguntungkan penduduk tempatan dan negeri Terengganu keseluruhannya.

Hari ini bandar Bukit Besi, Dungun terletak di bawah pengurusan dan pentadbiran Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), dengan tanaman kelapa sawit serta memiliki banyak artifak sejarah peninggalan perlombongan bijih besi. Salah satu artifak adalah Rumah No.1 yang dibina pada tahun 1930 oleh syarikat Jepun, *Nippon Mining Company* (NMC) sebagai rumah kediaman Pengurus Perlombongan yang pernah dijadikan tempat persinggahan rombongan diraja dan penginapan tetamu kenamaan negara ketika melawat Bukit Besi.

Bandar bukit Besi membangun pesat sejak awal lagi, bermula awal tahun enam puluhan apabila landasan keretapi dibina oleh syarikat EMMCO telah merubah wajah Bukit Besi dengan pertambahan pelbagai kemudahan asas serta mewujudkan bandar di tengah-tengah hutan dengan prasarana yang tidak terdapat di mana-mana negeri Pantai Timur ketika itu. Bandar ini terus-menerus hidup 24 jam terutama pada waktu malam kerana orang ramai menjalankan urusan masing-masing baik pekerja lombong mahupun peniaga dan orang awam seperti siang hari.

Bukit Besi bukan saja digelar ‘Bandar Satelit’ malah berkembang menjadi ‘Bandar Sejarah’ berikutan menjadi tumpuan orang ramai terutama mereka yang ingin mengkaji tentang pengeluaran hasil bijih besi yang terbesar sekali jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di seluruh Asia.

Selain itu, penulis mengenal pasti orang perseorangan serta organisasi-organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan bandar tersebut seperti Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), *Eastern Mining & Metal Company Limited* (EMMCO LTD) yang telah mengambil alih kawasan perlombongan tersebut daripada *Japanese Mining Company Limited* (NMC) pada tahun 1945.

Penulis berhasrat untuk menghasilkan kajian sejarah secara kronologi dari tahun 1916 hingga 2010 dimana kerajaan Terengganu sekarang yang diterajui oleh Dato' Haji Ahmad Said, Menteri Besar Terengganu mengumumkan di Dewan Undangan

Negeri (DUN) yang bersidang pada 21 Disember 2009 bahawa kerajaan telah memberi hak pajakan selama lima tahun kepada tiga syarikat tempatan untuk melaksanakan kembali kegiatan perlombongan bijih besi di Bukit Besi.

Penulis berjaya menyampaikan hasil kajian dan pendapatnya di dalam buku setebal 126 halaman ini dengan mengupas satu persatu peristiwa yang berlaku dari peringkat awal hingga sekarang buku ini diterbitkan.


**Pengulas:**

***Kamaruzzaman Soaid***

Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



HIZAMNUDDIN AWANG, IMRAN YUSUF

### Buat duit dengan katering

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.

132ms.

ISBN 978-967-369-084-8

## ULASAN

Buku *Buat Duit dengan Katering* merupakan panduan kepada sesiapa yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan berdasarkan makanan. Buku ini ditulis oleh Hizamnuddin Awang dan Imran Yusuf yang merupakan ahli perniagaan berjaya dalam bidang katering. Katering bermaksud penyajian makanan. Pengusaha katering pula dipanggil penyaji makanan atau katerer. Ringkasnya katering merujuk kepada bidang perniagaan penyajian makanan dan minuman.

Buku ini memaparkan 11 bab yang bermula dengan cara-cara pendaftaran perniagaan, modal, pelanggan dan waktu pesanan katering, peralatan, barang mentah dan sumber bekalan, jenis menu dan harga tawaran, promosi dan pemasaran, pengurusan khidmat katering sehingga kemahiran-kemahiran yang perlu ada dalam membuat perniagaan katering. Di samping itu penulis turut menyelitkan pengalaman-pengalaman yang beliau lalui dalam menjalankan perniagaan ini.

Terdapat pelbagai jenis katering. Ada katering yang hanya memfokuskan kepada masakan sahaja ataupun penyediaan kuih-muih tanpa menyediakan perkhidmatan penghantaran. Terdapat juga katering yang hanya menyediakan makanan berbungkus sahaja. Selain itu, terdapat juga katering yang turut menyediakan perkhidmatan pemasangan khemah, kerusi dan meja.

Promosi dan pemasaran memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan sesuatu perniagaan. Pelbagai cara dan kaedah yang boleh dimasukkan dalam aktiviti promosi dan pemasaran. Antaranya ialah menghantar e-mel memaklumkan berkaitan perkhidmatan katering yang ditawarkan, membina laman sesawang atau blog, mendaftarkan perkhidmatan katering di enjin carian dan laman sesawang pengiklanan.

Buku kecil ini bukan sahaja diselitkan dengan panduan perniagaan katering malah, terdapat pelbagai tip dan kaedah yang disampaikan di samping memberikan kata-kata perangsang dan motivasi kepada pembaca agar bersedia menghadapi segala kesukaran dalam memulakan perniagaan katering secara kecil-kecilan hingga besar-besaran.

Buku ini diolah dengan susunan bahasa yang menarik serta mudah difahami oleh pembaca di samping gambar-gambar contoh berwarna yang menarik mata memandang. Buku ini sesuai untuk semua golongan tidak kira golongan profesional maupun tidak profesional. Memandangkan buku ini ditulis melalui pengalaman sebenar maka, maklumat yang diberikan berautoriti dan tepat.

Adalah diharap dengan adanya buku panduan ini, pembaca akan dapat merealisasikan hasrat untuk memulakan perniagaan katering dengan memanfaatkan maklumat, tip serta ulasan yang diberikan oleh penulis sebagai panduan. Buku ini juga sesuai dijadikan hadiah.

**Pengulas:**

***Beghum Ulfhat Shehnaaz Amir Razli***


Penolong Pengarah

Bahagian Gerakan Literasi Maklumat

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



SOON, TONY  
**Impak maksima dalam pembentangan**  
Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.  
117ms.  
ISBN 978-967-369-081-7

## ULASAN

Buku *Impak Maksima dalam Pembentangan* ini dihasilkan melalui pengalaman dan pemerhatian penulis sebagai seorang pelajar, pelatih dan juga tenaga pengajar dan mempunyai pengalaman lebih 15 tahun membuat pembentangan dalam seting korporat, bilik darjah dan sebagai penceramah jemputan.

Buku ini boleh dijadikan panduan untuk menghasilkan pembentangan dengan efektif dan berkesan kepada pembaca untuk membuat persediaan serta mengandungi tip-tip mudah bagi pembaca untuk meningkatkan kemahiran komunikasi khususnya dalam menghasilkan pembentangan yang baik. Buku ini mengandungi 10 bab, antara topik yang dibincangkan adalah dari aspek tahu siapa audiens kita, tahu apa yang hendak dibicarakan, kepentingan penampilan, menyusun atur bilik pembentangan dan bersiap sedia bagi perkara yang tidak dijangka.

Penulis menerangkan cara untuk memastikan orang atau audiens tahu apa yang

hendak kita bentangkan. Ini termasuk menyediakan biodata diri, bahan publisiti, menjenamakan diri, *marketing* secara aktif, *e-mail blast* dan pengaturan masa. Penulis juga membincangkan strategi sebelum melakukan pembentangan dengan membuat analisis untuk mengetahui siapa audiens kita, penyediaan isi kandungan dan cara penyampaian bagi mempengaruhi audiens. Pembentang hendaklah mengetahui kumpulan sasaran dari segi bilangan audiens, umur, gender, pekerjaan, tahap pendidikan di samping memberi panduan untuk menawan serta mengekalkan minat audiens untuk terus mendengar pembentangan kita.

Pembentangan akan menjadi bertambah menarik sekiranya diselitkan humor. Humor adalah alat yang menghubungkan pembentang dengan audiens. Penulis membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan humor dan cara bagaimana membuat mereka ketawa dan membuat suasana lebih bertenaga. Beberapa cara bagi memastikan pembentangan yang dibuat mendapat sambutan daripada audiens adalah dengan menggunakan material yang sudah terbukti berkesan, seperti menggunakan *props* lucu bagi mengalihkan tumpuan audiens kepada kita. Pembentang disarankan untuk berlatih sehingga berjaya menguasai jenaka serta penggunaan *props*.

Penulis seterusnya memberi panduan cara penggunaan alat bantu visual dalam sesuatu pembentangan. Kajian menunjukkan 50% penggunaan visual dapat membantu manusia untuk mengingati sesuatu perkara yang dibicarakan. Walau bagaimanapun keberhasilan alat bantu visual itu bergantung pada cara alat tersebut digunakan. Pembentang harus bijak memilih alat bantuan visual yang sesuai dalam membuat pembentangan. Antara alat bantu yang boleh digunakan seperti *powerpoint*, *flip chart*, *white board*, *slaid*, gambar, kertas sebaran dan lain-lain lagi.

Menyusun atur bilik pembentangan turut dibincangkan. Saiz serta bilangan audiens memainkan peranan dalam merancang dan menyusun atur bilik pembentangan. Penulis memberikan jenis-jenis susun atur bilik antaranya susun atur pod, susun atur teater atau auditorium, susun atur bilik mesyuarat, susun atur bilik darjah, susun atur bentuk 'U' dan susun atur *sevron*. Penulis juga turut membincangkan cara membuat pembentangan mengikut setiap susun atur bilik tersebut.

Penulis menggariskan ciri-ciri serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengemukakan idea dengan gaya yang jelas dan efektif dalam pembentangan. Cara penyampaian dari petikan, kisah, gempar, anekdot, membaca fikiran, statistik, mengutarakan soalan, menggunakan prop, membuat perkara yang tidak dijangka dan membicarakan tentang budaya adalah merupakan teknik-teknik dan strategi-strategi dalam pembukaan pembentangan. Penulis juga turut memberi panduan tentang perkara yang tidak patut dilakukan dari permulaan pembentangan, semasa pembentangan dan sehingga ke penutup pembentangan. Selain itu, cara penggunaan bahasa tubuh juga turut ditekankan oleh penulis.

Penulis turut merungkai cara bagi memperbaiki kelemahan dan menambahbaik kemahiran dalam membuat pembentangan. Melalui penilaian kendiri dan penilaian audiens yang dilakukan boleh membantu kita memperbaiki kelemahan di samping untuk mendapatkan maklumbalas dari audiens. Penulis turut memberi cadangan dan pandangan untuk kita mempertingkatkan kemahiran berucap dengan menyertai *toastmasters*, penglibatan dalam organisasi kemasyarakatan, mengambil kursus, mengajar, latihan menulis, membuat rakaman video diri sendiri, memerhatikan gaya penyampaian golongan profesional dan tokoh tokoh negara dan lain-lain lagi.


**Pengulas:**

***Farah Aliza Abd Aziz***

Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



NASNAN JAJULI  
**Jalan pintas buat duit**

Sungai Besar, Selangor : Delta Input, 2011. 184ms.  
ISBN 978-967-10261-0-6

## ULASAN

'Duit banyak, aku orang kaya` adalah klise yang cukup sinonim kepada setiap manusia waras. Menjadi cita-cita dan impian bagi setiap insan untuk menjadi kaya dan banyak duit. Apa saja yang terlintas di fikiran akan dapat direalisasikan.

*Jalan pintas buat duit* hasil garapan Nasnan Jajuli adalah buku yang terhasil melalui penyelidikan yang menelan kos jutaan ringgit. Karya ini dipersembahkan bertujuan mengubah persepsi khalayak umum tentang perniagaan pasaran saham hadapan. Seseorang yang teraba-raba mengintai peluang pekerjaan dan berhasrat meningkatkan kewangan, buku ini boleh dijadikan sumber inspirasi dan panduan.

Penulis menggarap dalam dua bab awalan pertama dengan melakarkan pelan dan strategi pelaburan dan perniagaan pasaran saham hadapan. Bagi manusia yang bijak dalam menjalankan aktiviti pelaburan adalah mereka yang berurusniaga secara berstrategi dan dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi.

Pengarang berjaya merakamkan pengalaman penulis sendiri sewaktu berlaku kegawatan ekonomi sekitar lewat tahun 80-an yang mendorong beliau mencebur perniagaan pasaran saham. Berpegang kepada sikap tidak mahu putus asa dengan melakukan pelbagai jenis pekerjaan akhirnya penulis berjaya menemui kejayaan dengan bermula dalam pasaran saham.

Lebih jauh penulis mengolah dalam bab 4 hingga bab 7 skim pelaburan yang menguntungkan dan syarat menjadi peniaga yang berjaya dengan berbekalkan modal, berpengetahuan, disiplin, strategi dan konsentrasi bagi mengecapi keuntungan yang maksimum. Perincian perniagaan saham-saham di Malaysia yang merangkumi pasaran hadapan, BSKL, pasaran indeks dan pasaran saham hadapan komoditi, penulis berjaya menggarapkan keperluan dan pengetahuan asas yang perlu ada pada seseorang yang mencebur perniagaan saham.

Pada pengakhiran buku ini, pengarang menganalisa beberapa aspek yang menyebabkan pelabur boleh mengalami kerugian disebabkan tiada pengetahuan, pelantikan broker yang kurang mahir, tidak pecaya diri sendiri dan tidak tahu perkara teknikal. Dengan sokongan carta dan graf seiring dengan teori asas ekonomi dan pengurusan menampakkan karya ini signifikan kepada pembaca untuk mendalami ilmu perniagaan saham yang amat menguntungkan.

Gaya penulisan pengarang bertumpu kepada bentuk analisis yang banyak bermain dengan nilai angka dan statistik bagi membuktikan aspek pelaburan dalam pasaran saham dengan bijak tidak akan mendatangkan kerugian dan berisiko rendah.

Buku ini mudah difahami dan menarik walaupun agak teknikal di penghujung karya. Sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutama mereka yang berminat untuk bermula di pasaran saham hadapan.

---

**Pengulas:**

***Muhammad bin Musa***


Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHD ZAMBERI A. MALEK  
**Langkasuka: negara Melayu pertama**  
Kuala Lumpur : Anjung Media Resources, 2011. 203ms.  
ISBN 978-983-42352-2-2

## ULASAN

Buku ini memberi gambaran kepada kita tentang Langkasuka dari pelbagai aspek. Banyak gambar dalam buku ini menjernihkan imaginasi kita tentang Langkasuka dan mendekatkan ilusi kepada realiti. *Langkasuka : Negara Melayu Pertama* adalah sebuah buku perintis dalam bahasa Melayu yang menggalurkan dengan begitu menyeluruh dan menyakinkan tentang sebuah negara kota purba yang kewujudannya sentiasa menjadi perdebatan di kalangan para penyelidik bidang sejarah, arkeologi dan budaya.

Kerajaan Langkasuka pernah berkuasa selama 14 abad, mulai tahun 115 hingga kejatuhananya sekitar tahun 1370. Berbagai-bagai perkara boleh disentuh atau dikaji tentang kerajaan Melayu purba ini tetapi yang hanya dipertikaikan tentang lokasi masa kini untuk menguatkan keunggulan sejarah atau tamadun awal sesebuah negeri itu. Perluasan empayarnya yang terbentang dari Utara di Segenting Kra hingga ke Selatan Semenanjung dan tempoh pemerintahan sebegini panjang usianya selama

hampir 1400 tahun.

Penulisan buku ini berdasarkan kajian yang mendalam dan mengambil tempoh yang lama serta bersandarkan pelbagai bahan rujukan. Langkasuka kini tidak seharusnya menjadi seperti suatu misteri atau mitos sebaliknya suatu warisan kebanggaan kita. Penerbitan buku ini wajar menjadi tatapan rakyat Malaysia yang cintakan keunggulan sejarah awal bumi pusaka ini supaya tidak terkeliru dengan tanggapan terutamanya terhadap konsep masyarakat peribumi, warisan sejarah serta hak-hak pertuanan Melayu. Ini kerana sejak kebelakangan ini terlalu kurang pengetahuan pembaca berkaitan tamadun awal untuk dijadikan paparan juga pengetahuan umum.

Keunikan buku *Langkasuka: Negara Melayu Pertama* ialah penulis juga menyatakan senarai jadual, senarai salasilah Raja-Raja Langkasuka dan senarai peta serta penghasilan buku yang dihiasi sebanyak 200 keping gambar ini dapat menghilangkan serba sedikit kekusutan pendapat bersandarkan berbagai-bagi bukti sahih yang dapat dijadikan pedoman. Buku ini mengandungi 16 bab berkaitan dengan kegemilangan sejarah Langkasuka sebagai negara Melayu pertama.

Penulis menceritakan tentang kepercayaan dan kebudayaan yang berkisarkan latarbelakang hubungan Awal India- China, pengaruh dan kepercayaan, pengaruh Hindu-Buddha, Dewaraja dan Negara Kota dan kesusasteraan dan kesenian sistem budaya masyarakat. Keadaan ini berkait rapat dengan perkembangan yang berlaku sejak zaman prasejarah serta pertumbuhan awal tamadun manusia yang saling berhubungan dengan alam sekitar.

Penulis turut mencoretkan catatan bukti sumber tradisi negara-negara kota Langkasuka, pembuktian sumber tradisi, Kerajaan Kathaha Negara, perbezaan Langkasuka-Kathaha dan perdebatan lokasi Langkasuka. Langkasuka dianggap sarjana tempatan dan barat sebagai sebuah kerajaan Melayu pengaruh Hindu-Buddha paling awal dikesan kewujudannya di tanah Semenanjung mahupun alam nusantara melayu.

Seterusnya penulis mempersempahkan beberapa aspek berkaitan pengaruh sosio-

politik luar merangkumi pengaruh Funan, pengaruh Srivijaya, serangan Chola-Mendala dan pengaruh Majapahit. Sejak dijajah kuasa luar maka maju atau mundur Langkasuka adalah ditentukan oleh beberapa faktor. Meskipun kedudukannya terletak di pertengahan jalan perniagaan antarabangsa India-China dan kekayaan hasil bumi merupakan sumber dalaman yang membawa kemajuannya, namun faktor luar inilah sebenarnya lebih dominan dalam menentukan politik negara Langkasuka sejak penubuhannya.

Penulis turut membincangkan kegemilangan dan kejatuhan Langkasuka yang meliputi Empayar Langkasuka, ekonomi Maritim, serangan siam Sukhothai dan abad penyebaran Islam. Negara ini menghadapi berbagai-bagai perubahan dalam ciri-ciri kebudayaan dan tamadun semasa berada dalam naungan Kerajaan Srivijaya. Menjelang tahun 800 Langkasuka bertambah maju mencapai tahap kegemilangan sebagai empayar menguasai hampir seluruh Tanah Semenanjung.

Penulis turut membincangkan penemuan tapak Langkasuka yang mengandungi Ekskavasi dan Arkeologi, penyelidikan kompleks Yarang dan forum sejarah Langkasuka. Penyelidikan mengikut kaedah arkeologi moden terhadap kawasan yang disyaki sebagai pusat pemerintahan negara-kota Langkasuka dianggap kajian sejarah purba yang amat penting. Pengkajian ini besar ertinya dalam menangani dan mengesan tarikh mutlak bagi menentukan kesasihan tapak kota purba negara tersebut.

Secara keseluruhannya, kelahiran buku ini memberikan sinar cerah yang dapat menerangi sejarah negara Melayu pertama berkerajaan Hindu-Buddha, sebelum kemunculan negeri-negeri Melayu berkerajaan Islam serta Semenanjung pada abad selepas itu. Ia pastinya akan mengubah pemikiran dan tanggapan para pembaca bagi memecah kebuntuan mengenai peradaban silam serta hak-hak pertuanan bangsa Melayu dan sejarah negara Malaysia sendiri.

Semoga hasil pembacaan bahan seperti ini akan memberikan kita satu sudut pandangan baru yang lebih segar berhubung sejarah negara ini di samping berbangga kerana kita mewarisi tamadun hebat yang dikagumi dan dicemburui oleh


pihak luar. Ini adalah usaha terpuji penulis mendokumentasikan kepada masyarakat tentang sebuah kerajaan lama yang sentiasa memberi inspirasi kepada generasi kini dalam penghasilan seni dan budaya.

**Pengulas:**

***Nurhafiza Jalil***

Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



**Linguistik dan pembudayaan bahasa Melayu**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.  
461ms.  
ISBN 978-983-46-0510-0

## ULASAN

Buku ini mengandungi empat bahagian utama yang memuatkan hasil karya untuk dikongsi bersama dalam usaha membahaskan dan memartabatkan bahasa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan. Bahagian pertama buku ni mengandungi lima kajian utama mengenai pembudayaan bahasa dan pembentukan bangsa. Awang Sariyan memaparkan aspek penting yang mendasari pembentukan jati diri Melayu yang perlu dibudayakan di samping membincangkan penyimpangan penggunaan bahasa Melayu yang menyanggahi dasar tersebut. Beliau membicarakan dua bentuk utama krisis pembudayaan bahasa Melayu iaitu pertamanya krisis pembudayaan dalam hal taraf dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perhubungan umum. Keduanya krisis pembudayaan dalam hal mutu penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai ranah seperti pentadbiran, media massa, pendidikan dan di tempat awam.

Paramasivam Muthusamy pula memaparkan bentuk alih kod dalam pertuturan

berbahasa Melayu di kalangan pelajar Tamil. Kajian mendapati pengaruh sosio-budaya memainkan peranan penting dalam bahasa pertuturan seseorang atau perhubungan sosialnya. Kajian juga melihat faktor penempatan seseorang akan memberi kesan terhadap bahasa pertuturnya di mana bahasa Melayu hanya akan menjadi bahasa sisipan dalam pertuturan harian.

Kajian oleh Normaliza Abd. Rahim *et al.* membuktikan wujudnya bahasa Melayu bercorak eksklusif dalam teks mesej pelajar UPM yang kurang menyokong pembentukan jati diri Melayu. Kajian tadi mengupas segala fakta dan huraiyan yang berkaitan dengan bahasa singkatan dan bahasa ringkas yang digunakan dalam teks mesej di kalangan generasi muda khususnya golongan pelajar. Kajian oleh Mohd. Sharifudin Yusof turut mendapati bahawa martabat bahasa Melayu dirasai tergugat oleh kerana kurangnya usaha pemeliharaan beberapa dialek bahasa Melayu daripada pupus contohnya dialek Duano dan dialek Kanaq. Kedua-dua dialek ini dikatakan tidak dapat bertahan menghadapi globalisasi mahupun “glokalisasi”. Oleh itu, usaha pemeliharaan dialek dan bahasa sukuan perlu dimantapkan sebagaimana usaha pemartabatan bahasa Iban yang diperkatakan oleh Kalthum Ibrahim. Kajian beliau merupakan satu cara untuk melihat bahasa sukuan, iaitu bahasa Iban di Sarawak diperkasakan dalam menghadapi suasana semasa yang sentiasa mengalami perubahan.

Bahagian kedua buku ini pula mengandungi empat kajian utama mengenai pembudayaan bahasa Melayu melalui wahana tulisan dan penerbitan. Amat Juhari Moain mengkaji sejarah budaya tulisan bahasa Melayu sejak zaman protosejarah bangsa Melayu hingga kini. Muhammad Fauzi Jumingan pula melihat sejauh mana bahasa Melayu mampu dimanipulasikan untuk penulisan ilmiah dalam bidang dan subbidang sains sosial dengan mengambil kes penerbitan jurnal sosial sains dan kemanusiaan, *Pertanika*. Jurnal yang berbahasa Melayu juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang mampu mengungkapkan ilmu tinggi. Kajian oleh Norsimah Mat Awal *et al.* dan kajian Abdul Rahim Marasidi *et al.* pula memaparkan corak pembudayaan bahasa Melayu yang berbeza antara Malaysia dan Indonesia di mana kedua-duanya menunjukkan wujudnya jurang yang semakin jauh antara kedua-dua variasi bahasa Melayu ini.

Bahagian keempat buku ini pula memaparkan keindahan bahasa Melayu melalui beberapa kajian penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan terutamanya penulisan kreatif. Washima Che Dan dan Noritah Omar dalam kajian mereka menunjukkan penerapan bahasa sebagai pembentukan jati diri melalui kesusasteraan. Samsina Abdul Rahman pula memaparkan pembudayaan bahasa Melayu melalui genre puisi. Terdapat dua aspek telah dibicarakan iaitu pertamanya bahasa Melayu sebagai wahana atau alat penghasilan puisi Melayu. Keduanya bahasa Melayu sebagai alat pelahiran falsafah pemikiran Melayu melalui genre puisi sama ada yang tradisional mahupun yang moden.

Pengkajian tentang pelbagai ragam bahasa Melayu dalam kesusasteraan juga diketengahkan. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi *et al.* telah membincangkan corak penyataan lisan dan bukan lisan dalam novel *Putera Gunung Tahan* dari perspektif bahasa Melayu dan Arba'ie Sujud pula memperjelaskan pertimbangan stilistik iaitu suatu pendekatan linguistik untuk meneliti penggunaan bahasa dalam karya sastera, khususnya dari aspek figurative dan emotif.

Kesimpulannya buku ini amat bermanfaat kepada semua pencinta bahasa, khususnya pelajar dan penyelidik bahasa di institusi pengajian tinggi. Selain memaparkan kajian tentang masalah pembudayaan bahasa Melayu, ianya telah juga membincangkan keupayaan penggunanya dalam meningkatkan kreativiti penggunaan bahasa Melayu ke arah memperkasa dan pemartabatan bahasa Melayu dalam era globalisasi ini. Buku ini merupakan satu usaha murni bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah dan juga bahasa yang mempunyai nilai ekonomi.

---

**Pengulas:**


**Akmal Mohd Salleh**

Penolong Pengarah  
Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan  
Perpustakaan Negara Malaysia

---

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



ZUHAIRI MISRAWI

**Madinah : kota yang bercahaya**

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2011. 309ms.

ISBN 978-967-5564-64-2

## ULASAN

Buku ini adalah terjemahan dari karya asal yang bertajuk *Madinah : Kota Suci, Piagam Madinah dan Teladan Muhammad* yang ditulis oleh pengarang yang sama. Buku ini berkisar mengenai sebuah kota, bahkan sebuah negara dan sebuah peradaban, amnya. Umar Al-Khattab mengatakan “Madinah itu adalah ibu kepada segala kota”, yang menggambarkan betapa agungnya kota Madinah sebagai tapak permulaan tamadun. Bahagian pendahuluan buku ini menceritakan perihal keistimewaan Madinah daripada pelbagai segi termasuklah kedudukan yang strategik, sosiopolitik, perlombagaan, mempunyai penduduk pelbagai kaum serta kebebasan beragama. Beberapa petikan perihal Madinah yang ditulis oleh penulis lain turut diselit bagi memberi gambaran serta kepelbagaian pendapat untuk pengetahuan pembaca.

Buku ini digarap dengan begitu baik oleh penulis sehingga dapat menarik minat pembaca dengan penggunaan bahasa yang ringkas serta mudah difahami. Penulis

membahagikan buku ini kepada sepuluh bab yang menjurus kepada topik-topik yang berkisar daripada Ibnu Khaldun menuju peradaban Madinah, menuju Madinah, keistimewaan Madinah, Madinah sebelum Islam, Madinah semasa Islam, Madinah moden, Piagam Madinah, Masjid Nabawi, berziarah ke Makam Nabi Muhammad S.A.W, meneladani Nabi Muhammad, tip ziarah ke Madinah dan etika berziarah ke Masjid Nabawi.

Penulis merungkai dengan begitu unik dan diolah semasa menuntut dan menimba ilmu di Universiti Al-Azhar, Mesir. Dalam masa yang sama, penulis menceritakan bagaimana timbul minat beliau serta tertarik untuk mengetahui lebih mendalam mengenai kota nabi ini sekaligus berkongsi pengalaman serta usaha-usaha yang beliau lakukan melalui kajian dan diskusi-diskusi yang dijalankan. Turut dijelaskan tentang pemikiran Ibnu Khaldun dan kritikan-kritikan dari pelbagai pihak turut dibincangkan di dalam bab ini.

Penulis menceritakan pengalamannya menziarahi Madinah sambil mengenang kembali rentetan peristiwa yang berlaku di kota tersebut pada zaman Rasulullah SAW. Keistimewaan dan kelebihan antara dua kota suci iaitu Mekah dan Madinah turut diperhalusi. Penulis turut mengakui bahawa terpancar kegemilangan satu peradaban yang hebat di Kota Madinah.

Seterusnya penulis membincangkan tentang keistimewaan kota ini secara khusus. Kota yang digelar sebagai *al-Madinah al-Munawwarah* yang membawa maksud kota yang cerah, kota semarak atau kota cahaya. Antara perkara yang ditulis dalam bab ini termasuklah peristiwa Perang Badar, kota Yathrib (nama sebelum Madinah), kubah hijau dan menara Masjid Nabawi. Selain itu, penulis turut memperincikan keistimewaan Madinah sebagai kota Nabi, kota ilmu dan kota pertanian yang diselitkan dengan beberapa petikan ayat-ayat al-Quran untuk menguatkan lagi kisah yang berlaku. Kota Madinah ternyata memiliki keistimewaan yang tidak terdapat pada kota lain. Madinah adalah tempat Rasulullah meletakkan asas agama dan kemasyarakatan melalui konsep kebebasan beragama dan masyarakat majmuk yang ada pada masa itu.

Sejarah Madinah sebelum kehadiran Islam turut diimbau. Penulis bercerita mengenai kekuasaan Dinasti Amalekit dan kaum Yahudi serta suku Arab berkenaan asal usul kedatangan serta susur galur keluarga mereka. Dikatakan bahawa orang Yahudi yang menetap di Yathrib terdiri daripada pengikut Nabi Musa yang pernah mengalahkan orang Amalekit dan orang Yahudi dari Palestin.

Kedatangan Islam ke kota suci ini diterima dengan tangan terbuka oleh penduduk Madinah iaitu kabilah Aus dan Khazraj. Dalam bab ini turut dibincangkan mengenai peristiwa sebelum hijrah dan semasa hijrah sehingga Nabi Muhammad melancarkan misi baru iaitu dengan menggelar Madinah sebagai fasa Islam yang dapat menunjukkan kekuatan Islam, bukan sekadar pada nama. Madinah menjadi titik tolak perlambangan sebuah nilai Islam sebagai agama yang mengagungkan peradaban manusia.

Kemodenan Madinah dikatakan menjangkaui masa kerana bukan sahaja menjurus kepada perdagangan dan ekonomi semata-mata sebaliknya lebih sinonim sebagai tempat bagi mempertingkatkan spiritual bagi umat Islam. Perkara ini bermula sejak pemerintahan Empayar Uthmaniyyah sehingga kejatuhanya di tangan kerajaan Arab Saudi. Namun, perkembangan Madinah terus kukuh. Penulis turut berkongsi beberapa karakter penduduk Madinah berbanding orang Arab lain.

Membincangkan tajuk Madinah, penulis ternyata tidak dapat lari dari membincangkan topik Piagam Madinah. Peristiwa penting ini dengan jelas menyatakan usaha Rasulullah yang bersungguh-sungguh membangunkan sikap toleransi antara penduduknya. Perkara-perkara penting yang digariskan dalam piagam atau perjanjian ini termasuklah kesetaraan umat, kebebasan beragama dan politik perdamaian.

Penulis turut membicarakan tentang Masjid Nabawi yang merupakan titik awal perubahan peradaban baru untuk umat Islam. Penulis menceritakan peristiwa-peristiwa penting yang melibatkan masjid ini termasuklah penubuhan, baik pulih pemuliharaan masjid serta kemudahan yang disediakan. Selain Masjid Nabawi, Madinah yang sememangnya turut dikenali sebagai kota masjid turut mempunyai

masjid bersejarah lain seperti Masjid Qubba, Masjid Qiblatyn, Masjid Jumaat, Masjid Sajadah dan lain-lain.

Pengalaman penulis menziarahi makam Nabi Muhammad SAW dikongsi dalam bab kesembilan dan beliau menyudahkan buku ini dengan bab terakhir yang bertajuk meneladani Nabi Muhammad. Tidak ketinggalan, penulis memberikan bonus kepada pembaca dengan menyelitkan tip ketika ziarah ke Madinah dan etika berziarah ke Masjid Nabawi pada bahagian belakang buku yang disertakan dengan doa-doa berkaitan. Turut dilampirkan adalah Piagam Madinah yang lengkap sebagai rujukan kepada bab ketujuh yang membincangkan mengenai piagam tersebut.

Ternyata membaca buku ini membuatkan kita tiba-tiba rindu pada kota suci yang diperjuangkan Nabi ini. Konsep penceritaan melalui pengalaman penulis berjaya memberi impak yang sangat positif kepada pemahaman pembaca kerana ianya bukanlah memfokuskan kepada sejarah dan fakta semata-mata. *Madinah : Kota yang Bercahaya*, berkisar mengenai keistimewaan makna dan nilai, persaudaraan, toleransi dan perdamaian serta sebuah potret peradaban yang teragung. Sesungguhnya “di tengah-tengah kemodenan yang mengeringkan jiwa, kerinduan kepada Madinah pasti selalu betandang”, petikan penulis. InsyaAllah.


**Pengulas:**

**Noor Shazila Johari**

Penolong Pegawai Perpustakaan  
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHAMED JUSOH  
**Moral, memorial, piagam Batu Bersurat Terengganu**  
Petaling Jaya : Impiana Publications & Distributors,  
2011. 421ms.  
ISBN 978-967-5427-18-3

## ULASAN

Buku *Moral, Memorial, Piagam Batu Bersurat Terengganu* mengupas sejarah kehebatan dan kegembilangan negeri Terengganu dan masyarakatnya. Penemuan Batu Bersurat Terengganu menyingkap sejarah penerimaan Islam yang terawal mendahului negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan kewujudan undang-undang Islam di Terengganu. Penemuan Batu Bersurat bertarikh 14 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303 M di Sungai Tara, Kampung Buloh Kuala Berang adalah bukti sejarah wujudnya penggunaan bahasa Arab di kalangan penduduk negeri Terengganu beragama Islam sejak kurun ke-7 Hijrah atau ke-13 Masihi lagi. Ini membuktikan masyarakat Terengganu telah bertamadun sehingga dapat mencipta satu bentuk tulisan jawi yang terawal di dunia Melayu.

Buku ini dibahagikan kepada dua puluh empat bab khusus, iaitu Pulang Ke Gagang, Kedatangan Islam, Syariat Dan Pendidikan, Pertapakan Tamadun Melayu, Martabatkan Islam, Asas Pemerintahan Kesultanan, Islam Di Alam Melayu, Kerajaan

Islam Terengganu, Pemerintahan Budaya Melayu Islam, Arkeologi Prasasti, Tersohor Pusaka Suci, Integrasi Pensejarahan, Cina Purba Dan Kuno, Undang-undang Islam, Jati Diri Jawi Islam, Kajian Saintifik Batuan, Pengaruh Ulama Silam, Perakam Piagam Terengganu, Tuhfat al-Nafis, ‘Itqanul Muluk Bi Ta’di Li al-Suluk’ Peninggalan Sejarah, Kedudukan Geografi, Islam dan Kesultanan, dan Zaman Kuasa Asing.

Di dalam buku ini, penulis menerangkan lokasi penemuan Batu Bersurat Terengganu iaitu di Sungai Tara, Kuala Berang yang dulunya dikenali sebagai Foloan. Kedatangan Islam ke Terengganu bermula di Foloan yang menjadi ibu negeri Terengganu walaupun tidak dapat dipastikan tarikh kedatangan Islam secara tepat. Menurut inskripsi-inskripsi dan kesan tinggalan yang ditemui di Asia Tenggara, Terengganu menerima Islam lebih awal dari abad ke tujuh Hijrah atau abad ketiga belas Masihi. Raja Mandalika yang memerintah Terengganu pada abad ketujuh hijrah sangat berpegang teguh kepada ajaran Islam. Batu Bersurat Terengganu yang asli sekian lama tersimpan di Muzium Singapura dipindahkan di Muzium Negara, Kuala Lumpur sebelum diserahkan kepada kerajaan negeri Terengganu pada 6 Julai 1991.

Keseluruhan bab dalam buku ini menyentuh tentang Batu Bersurat Terengganu dan kaitannya dengan kedatangan dan perkembangan agama Islam di Terengganu. Buku ini sangat sesuai dijadikan bahan rujukan untuk memahami sejarah Batu Bersurat Terengganu yang menjadi titik tolak kepada penerimaan dan penyebaran syiar Islam di Terengganu dan di Nusantara seluruhnya.

Akhir kata, buku ini diolah dengan susunan yang ringkas dan mampu difahami oleh semua golongan pembaca. Selain itu, senarai bibliografi turut disisipkan bagi memudahkan pembaca merujuk sesuatu fakta yang diperolehi.

---

**Pengulas:**


***Rosmini Ismail***

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

---

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



SABIRIN, RAFLIS  
**Pengubatan al-Quran: penawar segala penyakit**  
Kuala Lumpur : MMP Communications, 2011. 260ms.  
ISBN 978-983-3274-01-7

## ULASAN

Buku setebal 264 muka surat ini mengandungi 16 bab dimana setiap bab menerangkan penyakit yang berlainan yang terdiri daripada penyakit jantung, kencing manis, kanser payudara, angin ahmar, tumor, migrain, gastrik, kanser (bahagian luar), penyakit hati, kanser usus, buasir, tiroid, bengkak kelenjar dan resdung. Penulis berjaya mengupas setiap penyakit dengan berkesan daripada sudut perubatan moden dan juga daripada sudut agama. Setiap penyakit yang diterangkan merangkumi jenis-jenis penyakit, kaedah mencegah dan merawat penyakit menggunakan ayat-ayat Al-Quran serta petikan ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan penyakit tersebut.

Kekuatan buku ini terletak kepada penulisnya sendiri iaitu Ustaz Raflis Sabirin yang menggunakan sepenuhnya pengalamannya beliau selama 27 tahun merawat pelbagai penyakit berpaksikan ayat-ayat Al-Quran, Hadis Nabi SAW dan herba pilihan. Beliau yang berasal dari Sumatera Barat, Indonesia merupakan seorang lulusan agama

daripada salah sebuah madrasah di Minangkabau, Indonesia. Kini, beliau merupakan Perunding Editorial merangkap Editor Agama Majalah Milenia Muslim dan Aniqah terbitan MMP Communications.

Kandungan buku ini memaparkan agama Islam sebagai agama yang cukup lengkap untuk menggalakkan umatnya supaya berusaha mencegah dan merawat sendiri pelbagai penyakit. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud ; “*Dan Kami turunkan Al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman.*” Ayat ini secara jelas memberitahu kita bahawa Al-Quran merupakan alternatif terbaik untuk membantu melega atau menyembuhkan penyakit tertentu. Namun begitu, ramai di antara kita tidak menyedari hakikat ini malah menyalahkan takdir atas penyakit yang menimpa mereka.

Dalam sebuah hadis daripada Ali bin Abi Talib r.a. disebutkan tentang sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; ‘*Sebaik-baik ubat itu adalah Al-Quran.*’-Riwayat at-Tarmizi. Sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri menyatakan ada seorang lelaki datang menemui Baginda Rasulullah SAW mengadu sakit dada. Baginda memberitahunya agar membaca Al-Quran kerana Allah SWT ada berfirman, bermaksud; ‘*Al-Quran itu adalah penawar penyakit yang ada di dalam dada*’.

Kedua-dua hadis tersebut jelas menerangkan maksud Al-Quran adalah penyembuh dan penawar kepada penyakit fizikal mahupun penyakit yang berkaitan dengan rohani, jiwa dan roh seperti kejahilan, pendendam dan segala sifat mazmumah yang lain. Namun begitu, ianya perlu disertai dengan sifat sabar dan redha dengan segala ketentuan yang telah ditakdirkan. Kita juga perlu bermuhasabah diri serta kerap berdoa kepada Allah SWT agar terhindar daripada penyakit kronik dan berbahaya. Walaupun kepakaran doktor dapat membantu namun, kemampuan manusia adalah terbatas dan masih belum menemui penawar yang mujarab kepada penyakit seperti penyakit kanser, buah pinggang dan kencing manis.

Walaupun penulis tidak menerangkan cara merawat dan mengubati penyakit tersebut melalui kaedah perubatan moden, namun penulis tetap menyelitkan sedikit huraian dan penjelasan mengenainya. Setiap kandungan tersebut turut disokong oleh

sumber-sumber daripada surat khabar dan laman web. Ini dapat membezakan buku ini dari yang lain di samping menunjukkan penulis bukan sahaja seorang yang berpengalaman dari sudut teori semata-mata namun dari segi praktikal juga.

Selain itu, perkara yang menarik di dalam buku ini adalah ianya secara tidak langsung menggalakkan segenap lapisan masyarakat mengamalkan ayat-ayat Al-Quran semasa proses mencegah dan merawat penyakit tertentu. Ia menyedarkan masyarakat bahawa ayat-ayat Al-Quran adalah senjata paling mujarab dan kaedah terbaik dalam menyembuh dan mengubati setiap penyakit.


Secara keseluruhan, penulis berjaya menyempurnakan kandungan buku ini dengan begitu baik sekali melalui pengakhiran bab yang menerangkan fadilat membaca ayat-ayat Al-Quran di dalam kehidupan seharian dan juga manfaatnya kepada ubat-ubat herba yang digunakan untuk merawat penyakit.

Penulis turut menegaskan bahawa Al-Quran adalah kalam Allah yang banyak mengandungi petunjuk, berkat dan ubat yang mampu melenyapkan segala penyakit di samping mendidik dan membahagiakan hati dan jiwa yang bermasalah. Justeru, memang tidak dapat dinafikan bahawa buku ini amat sesuai dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi segenap lapisan masyarakat khususnya bagi penjagaan kesihatan jasmani dan rohani. Secara khususnya, buku ini menyasarkan kepada pembaca beragama Islam yang menghadapi penyakit tertentu namun ia juga amat sesuai dibaca oleh semua golongan.

**Pengulas:**

***Hezlin Ali Bakar***  
Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NOR 'ADHA AB HAMID, SAKINA SHAIK AHMAD YUSOFF  
**Pertikaian perdagangan pengguna : penyelesaian pertikaian alternatif di Malaysia**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2011.  
305ms.  
ISBN 978-983-46-0460-8

## ULASAN

Buku ini adalah berkenaan dengan mekanisme penyelesaian pertikaian dalam konteks perdagangan pengguna sedia ada di Malaysia. Keperluan mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif adalah seperti Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Biro Pengantaraan Kewangan dianalisis keupayaannya dalam menangani kes pertikaian perdagangan pengguna dengan mengambil kira statistik kes yang difailkan dan diselesaikan oleh mekanisme tersebut. Dalam menilai keberkesanan mekanisme penyelesaian pertikaian di Malaysia, buku ini juga akan membincangkan praktis yang terdapat di beberapa negara Asia lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Jepun, Hong Kong dan India yang mempunyai kepelbagaiannya mekanisme penyelesaian pertikaian pengguna.

Dalam memberikan gambaran keseluruhan perkembangan perdagangan pengguna tempatan khususnya pada aspek penyelesaian pertikaian perdagangan pengguna, buku ini telah dibahagikan kepada 6 bab utama. Bab 1 mengisahkan tentang senario


yang menceritakan tentang konsep ‘perlindungan pengguna’. Perkembangan sejarah perlindungan pengguna dalam perdagangan juga diselitkan bagi memberikan kefahaman tentang susur galur perkembangan perlindungan pengguna di dunia. Cabaran globalisasi dalam perkembangan alaf baru yang membangkitkan persoalan-persoalan khusus seperti e-dagang dan undang-undang persaingan juga turut diceritakan. Dalam bab 2 pula, ia membincangkan tentang senario tempatan, kerangka perundangan dan kerangka institusi perlindungan pengguna Malaysia.

Senario seterusnya menceritakan tentang realiti tempatan dalam konteks mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif dan perbincangan tentang beberapa mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif terpilih yang sedia ada dalam konteks perdagangan pengguna. Penulis turut membincangkan rumusan dan konklusi bagi keseluruhan kandungan buku yang mana memfokuskan tentang penyelesaian pertikaian alternatif dalam konteks perdagangan pengguna dengan mengemukakan satu skema penambahbaikan pada sistem penyelesaian pertikaian yang sedia ada di Malaysia dalam konteks perdagangan pengguna.

**Pengulas:**

***Muhammad Azizi Muhamad Rani***  
Penolong Pegawai Perpustakaan  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia


## SINOPSIS BUKU



MUHAMAD ALI  
**50 jawatan terpilih  
dalam kerajaan**  
Shah Alam : Oasis Books,  
2010. 311ms.  
ISBN 978-967-5711-14-5

Buku ini menyenaraikan 50 jawatan terpilih dalam kerajaan dan pemilihannya dilakukan berdasarkan kriteria tertentu. Kebelakangan ini, jawatan dan pekerjaan dalam kerajaan mula diminati semula oleh orang awam dan pencari kerja. Selain mendapat jaminan seperti skim berpencen, gaji serta elauan-elauan juga kemudahan yang diberikan kepada kakitangan kerajaan adalah semakin baik. Kerajaan boleh berubah, namun kakitangan kerajaan yang merupakan jentera penting pentadbiran negara tetap dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Beberapa asas dalam kerajaan dan perkhidmatan awam juga disentuh secara ringkas. Buku ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar yang ingin memilih kerjaya, malahan juga kepada orang awam yang ingin mengetahui serba sedikit mengenai jawatan yang terdapat dalam kerajaan. Jawatan yang terpilih untuk dibicarakan dalam buku ini adalah kategori Badan Eksekutif. Jawatan-jawatannya terdapat di dalam pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

## SINOPSIS BUKU




DANIAL ZAINAL ABIDIN  
**7 formulas of excellent individuals**

Batu Caves, Selangor :  
PTS Millennia, 2011.  
321ms.

ISBN 978-967-5564-47-5

This book gives the excellence formula of great civilizations that existed thousands of years ago. These formulas are combined in seven main formulas, which was the source of strength of the world's greatest personalities. This literature is appropriate for those that have long been looking for an excellence formula that is both Islamic and systematic. This book also shares the secret behind the excellence that was achieved by amazing personalities during the glorious days of the Islamic civilisation. It has detailed information about the excellence formula for knowing one's greatness and potential. It gives the answer on how the fear of God can be catalyst in unleashing the excellence potential of individuals. It also gives an explanation on the concept and epistemology of true Islam. This concept is able to drive and propel excellence to the maximum level. It is the obligation of every Muslims to strive, so that so that the ummah reverts to excellence and Islam is propelles to the forefront of life, especially when the global world are desperate for a solution for the problems faced in all aspect of life. This book in one of the guidance to achieve the noble goal.

## SINOPSIS BUKU



**Agenda ketahanan nasional Malaysia**  
Sintok, Kedah : Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, 2011.  
106ms.

ISBN 978-983-44865-8-7

Agenda ketahanan nasional merupakan satu perkara penting dalam pembentukan sebuah negara bangsa. Ketahan negara perlu dilihat dari aspek luar dan dalam. Perdana Menteri Malaysia ketiga pernah menekankan bahawa Malaysia boleh mewujudkan keharmonian seandainya mampu menguruskan empat perkara utama yang saling berkaitan antara satu sama lain. Perkara ini adalah politik, ekonomi, perpaduan dan keselamatan. Negara hari ini perlu mempunyai hubungan dengan negara lain, tetapi konteks hubungan ini hendaklah dilihat dalam keadaan menang-menang dan menghormati kedaulatan negara lain. Dunia tanpa batasan hari ini memperlihatkan kedaulatan dan keselamatan sesebuah negara sering diceroboh dalam pelbagai bentuk dan rupa. Justeru penekanan dan kefahaman mengenai ketahanan negara harus disebarluaskan agar warganya bukan sahaja memahami pentingnya ketahanan sesebuah negara bahkan mampu menyemai semangat patriotisme yang akhirnya mampu memacu merealisasikan aspirasi negara menjadi sebuah negara maju.

## SINOPSIS BUKU




**Al-Harits Al-Muhasibi :  
hidup sederhana penuh  
berkah**

Bangi, Selangor : Pelima  
Media, 2011. 128ms.  
ISBN 978-967-5999-03-1

Pesan utama yang diungkapkan baris demi baris dalam buku ini ialah hidup sederhana sewaktu kemewahan menjadi dambaan orang ramai. Kesederhanaan adalah kemuliaan, kesederhanaan hanya akan berhasil apabila kita menyedari bahawa hidup di dunia hanyalah suatu persinggahan dari suatu perjalanan panjang manusia menuju Allah. Hidup sederhana bukanlah bererti hidup susah dan sengaja menderita, melainkan memahami yang mana keinginan dan yang mana keperluan. Orang bersederhana menyedari bahawa nafsu keinginan takkan pernah puas jika diturutkan. Kita sering lupa bahawa kita akan dipertanggungjawabkan terhadap nikmat yang diterima. Buku ini hadir untuk menghidupkan kembali kesedaran kita yang malap dek kegembiraan dunia dipadam oleh dosa-dosa. Buku ini amat sesuai dibaca oleh setiap insan yang hidup di muka bumi Allah, agar kita sentiasa berada di atas jalan kebaikan. Ini penting agar kita tidak meniti di jalan yang salah sehingga terperosok jauh ke jurang kesalahan. Jangan diikuti hawa nafsu yang menggelincirkan kita daripada semua jalan kebenaran dan yang paling penting sekali jangan ambil mudah perintah Allah. Jangan pula menentang-Nya dengan perlakuan yang menyimpang.

## SINOPSIS BUKU




PUTRI HAYATI MEGAT  
AHMAD  
**Bimbingan dan  
kaunseling kerjaya**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka,  
2010. 230ms.  
ISBN 978-983-46-0584-1

Buku ini adalah satu pengenalan yang berkisar tentang bimbingan dan kaunseling kerjaya, teori-teori khusus dan strategi yang boleh diaplikasikan serta maklumat tentang penilaian dalam kaunseling kerjaya. Setiap individu mempunyai kehendak dalam kehidupannya dan setiap kehendak akan dipenuhi melalui tugas-tugas yang ditentukan dalam setiap tahap kehidupan individu berkenaan. Kaunseling kerjaya merupakan satu proses membuat keputusan dan perancangan kerjaya yang mengambil kira aspek penting seperti keluarga, kerja dan waktu lapang seseorang individu. Bimbingan kerjaya pula melingkungi semua komponen perkhidmatan dan aktiviti dalam institusi pendidikan, agensi dan organisasi yang lain yang menawarkan kaunseling dan program pendidikan berkaitan dengan kerjaya. Di Malaysia, kaunseling kerjaya telah diperkenalkan di sekolah secara rasmi pada tahun 1960-an melalui program bimbingan kerjaya. Kini, sekolah-sekolah menengah dan rendah telah mempunyai guru kaunseling dan guru bimbingan sepenuh masa yang mempunyai latihan dalam bidang kaunseling dari universiti-universiti tempatan dan luar negara.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




ZAINI UJANG  
**Budaya inovasi :  
prasyarat model baru  
ekonomi**

Skudai, Johor : Penerbit  
UTM Press, 2010. 322ms.  
ISBN 978-983-52-0744-0

Buku ini memberi perspektif dan pencaraan baru untuk membolehkan kita berubah menjadi lebih kreatif, inovatif dan produktif serta menjadi ramuan membina budaya inovasi sebagai prasyarat membolehkan Malaysia menjayakan Model Baru Ekonomi. Bukan hanya pemikiran ekonomi, bahkan pendidikan tinggi, budaya ilmu, mekanisme penjanaan nilai tinggi, pelestarian alam sekitar dan minda lestari. Kesemua aspek ini merupakan ramuan untuk membina budaya inovasi. Budaya inovasi adalah teras Model Baru Ekonomi. Buku ini memberi perspektif yang seimbang dan menyeluruh kepada inovasi yang perlu diterapkan di dalam minda, cara kerja dan gaya hidup. Buku ini juga diharap dapat membantu membudayakan inovasi dan meningkatkan produktiviti. Inovasi bertitik tolak dari kefahaman dan penghayatan budaya ilmu yang tepat dan segar.

## SINOPSIS BUKU




DANIAL ZAINAL ABIDIN  
**Bukti-bukti sains &  
sejarah kerasulan  
Muhammad**  
Batu Caves, Selangor :  
PTS Millennia, 2011.  
195ms.  
ISBN 978-967-0142-24-1

Buku ini cuba membahaskan bukti-bukti saintifik bahawa Nabi Muhammad S.A.W merupakan rasul akhir zaman yang diutuskan oleh Allah untuk memimpin manusia. Berdasarkan perbandingan al-Quran dengan kitab-kitab terdahulu seperti Perjanjian lama, Perjanjian baru, Vedas, Puvana dan juga Bible terdapat persamaan bahawa kesahihan dan persamaan sejarah kewujudan Nabi Muhammad S.A.W. Berdasarkan bukti-bukti yang ada serta risalah yang dibawa oleh-Nya adalah unggul dan saintifik. Sejarah juga membuktikan, terdapat banyak ramalan di dalam al-Quran yang akhirnya menjadi kenyataan. Contohnya penemuan jasad Firaun, kekalahan Parsi di tangan Rom, kemenangan umat Islam di Badar dan kemenangan umat Islam di Mekah. Semuanya berlaku dengan tepat seperti yang dinyatakan dan menjadi bukti tambahan yang dirakamkan di dalam buku ini bagi menunjukkan kebenaran Nabi Muhammad S.A.W. Melalui kupasan yang digarap oleh penulis, keyakinan dan kefahaman pada Islam akan meningkat sehingga mampu menjelaskannya khususnya kepada orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan beragama Islam.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



H.M. TUAH ISKANDAR  
**Cipta syurga hati**  
Shah Alam : Karya  
Bestari, 2010. 308ms.  
ISBN 978-967-86-0345-4

Buku ini ditulis berkonsepkan Islamik kerana terdapat beberapa hujah yang berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah sebagai motivasi dalam menangani pelbagai isu kehidupan. Kehidupan kita di muka bumi ini memang banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi, justeru amat penting untuk kita memilih haluan yang benar apabila diri diselubungi masalah dan kecelaruan jiwa. Tanpa ilmu di dada, khususnya ilmu akhirat hidup pasti tersasar jauh dari landasan yang sepatutnya. Pilihlah guru yang benar-benar dapat membawa diri kita ke arah kebaikan, bukannya mempercayai ilmu dan amalan kepada ajaran sesat. Kesihatan diri juga dititikberatkan kerana ia memudahkan segala-galanya termasuk beribadat. Misi buku ini ialah untuk mencipta sesuatu yang tidak dapat dilihat dalam bentuk benda tetapi boleh diterjemahkan melalui peribadi yang molek, menarik, betul, patut lagi munasabah. Buku ini bertujuan mendamaikan jiwa untuk melalui hidup seadanya. Akhirnya dengan membentengi diri agar sentiasa sihat dengan amalan-amalan yang berpahala menurut ajaran Islam adalah sangat dianjurkan.

## SINOPSIS BUKU



NAFFI MAT  
**Dilema guru : kerjaya yang saya pilih bukan kerana dipilih**  
Kuala Lumpur : Tintarona Publications, 2011. 185ms.  
ISBN 978-983-3514-53-3

Kerjaya perguruan merupakan bidang yang amat mencabar dewasa ini. Guru bukan sahaja menjadi tenaga pengajar malah menjadi pendidik dalam menentukan arah tuju seorang pelajar setelah selesai sesi persekolahan. Pelbagai dugaan dan cabaran yang terpaksa dilalui dalam merealisasikan tujuan ini. Seorang guru yang baik perlu mempunyai persediaan dari sudut mental dan fizikal dalam menghadapi kerenah pelajar yang pelbagai. Buku ini mengutarakan isu berkenaan hakikat yang perlu diterima oleh guru, persediaan diri dalam menghadapi cabaran perguruan di samping permasalahan dalam pengurusan pembelajaran. Buku ini sesuai dijadikan bacaan bagi golongan pengurus dan pentadbir dalam sektor pendidikan, guru-guru dan bakal guru serta pembaca yang ingin memahami kerjaya seorang guru.

## SINOPSIS BUKU




MOKHTAR PETAH  
**Falsafah gagasan**  
**1Malaysia**  
Gombak, Selangor :  
Amnas Enterprise, 2011.  
149ms.

ISBN 978-967-10124-0-6

“Apabila kita bersatu, maka kekuatan akan bersekutu, apabila kita bersetia, bangsa jadi mulia, dan apabila kita berkhidmat nescaya direstui umat”, inilah kata-kata Najib Tun Razak suatu ketika dahulu yang kini menjadi Perdana Menteri Malaysia dengan laungan 1Malaysia : rakyat didahulukan pencapaian diutamakan pada 3 April 2009. Penulis membawa pembaca memahami isi kandungan gagasan 1Malaysia yang mengandungi cita-cita dan usaha mulia yang perlu dipikul bersama oleh seluruh rakyat untuk mencapai wawasan 2020. Buku ini turut memberi penjelasan konsep 1 Malaysia, hubungannya dengan dasar-dasar kerajaan terdahulu dan nilai-nilai murni serta tunggak kekuatan yang terkandung dalam konsep tersebut. Penulis turut menjelaskan budaya hidup yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia, bagaimana yang dikatakan rakyat bermaruah walaupun Malaysia mempunyai rakyat yang terdiri dari pelbagai bangsa, keturunan dan etnik. Buku ini turut menyelitkan cara atau langkah bagaimana untuk memartabatkan negara, menyatupadu dan mengharmonikan rakyat jelata. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, buku ini hendaklah dibaca kerana ia sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat dan bangsa.

## SINOPSIS BUKU




COVEY, STEPHEN R.,  
COLOSIMO, JENNIFER  
**Great work great career**  
= Kerja hebat, kerjaya hebat : cara mendapat kerja yang kita mahukan dan memberi sumbangan yang hebat.

Ed. bahasa Melayu  
Batu Caves, Selangor :  
PTS Professional Pub.,  
2010. 166ms.  
ISBN 978-967-369-017-6

Kerjaya merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan. Buku ini menawarkan cara yang baru dan inovatif dalam melihat kerja dan kerjaya kita. Ia memberi nasihat yang praktikal dan perlu bagi menonjolkan diri supaya boleh mendapat kerja yang hebat, dan bagaimana menikmati kerjaya yang kekal lama serta memuaskan pada waktu perubahan ekonomi dan gaya kerja. Selain itu, ia membantu kita meneroka minat, bakat serta kelebihan dan kekuatan unik yang ada pada diri dan mampu melaksanakannya di tempat kerja serta mendorong kita memberi sumbangan maksima dan terbaik kepada kerjaya. Selain itu, ia menjadi panduan penting untuk mereka yang ingin mencari kepuasan dalam kehidupan profesional serta memberi idea yang mudah dan jelas bagi membantu mengenal pasti dan mengembangkan bakat kemahiran. Buku ini adalah bahan bacaan yang relevan untuk membangunkan kerjaya dan kekuatan unik di dalam diri anda untuk kegunaan di tempat kerja supaya dapat memberi sumbangan maksima kepada kerjaya.


## SINOPSIS BUKU



LE POOPLE, SAMFRIT  
**Jangan katakan tidak :  
bimbingan menuju  
kejayaan perundingan**  
Batu Caves, Selangor :  
Crescent News (KL),  
2010. 163ms.  
ISBN 978-983-061-882-1

Perundingan dalam sesuatu urusan adalah penting agar kerja-kerja dan perancangan yang diatur berjalan lancar dan tersusun. Hasil suatu rundingan dipengaruhi oleh persediaan yang dilakukan sebelum rundingan itu berjalan. Seorang perunding yang baik akan berusaha meyakinkan lawannya daripada mengubah ia menjadi perdebatan. Kesabaran merupakan elemen penting dalam ses sebuah rundingan kerana ia boleh berlangsung dalam tempoh yang lama dan membosankan kepada kedua-dua belah pihak. Buku ini membahaskan beberapa isu yang meliputi persiapan dan aturan perundingan yang boleh dilakukan, proses perundingan, mengatasi masalah dan jalan buntu, peranan masa, bagaimana melakukan perundingan di luar negara, perundingan berkumpulan dan kesilapan dalam melaksanakan rundingan. Ia juga memberi panduan bagaimana menjadi seorang perunding yang efektif.

## SINOPSIS BUKU



**Jati diri kebangsaan manhaj Islam Hadhari**  
Bangi, Selangor : Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
2010. 237ms.  
ISBN 978-983-44351-4-1

Buku ini adalah hasil daripada seminar 1Malaysia : Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami yang membincangkan isu yang berhubung dengan pembangunan tamadun dalam konteks pembinaan jati diri kebangsaan berdasarkan kepada pendekatan Islam Hadhari. Bidang-bidang yang dibincangkan meliputi pendidikan, perundangan dan syariah, komunikasi dan media, sains dan teknologi, hubungan etnik dan pentadbiran dan pengurusan. Kesemua bidang ini dilihat merentasi sepuluh konsep Manhaj Islam Hadhari yang digagaskan oleh kepimpinan negara yang merangkumi aspek keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, keutuhan budaya dan moral, pemuliharaan alam tabii dan kekuatan pertahanan. Buku ini merupakan utusan pemikiran dan pemerhatian para penulis yang telah diundangkan oleh pengajur dalam membicarakan isu seperti di atas.


## SINOPSIS BUKU



H.M. TUAH ISKANDAR  
**Jom mantop**  
Shah Alam : Alaf 21, 2010.  
239ms.  
ISBN 978-983-124-573-6

Buku ini membincarkan tentang bagaimana kita perlu mengukuhkan pencapaian kendiri di samping terus menggapai kejayaan-kejayaan seiring dengan perjalanan masa dalam kehidupan. Melalui tajuk dan hasil kupasan yang menarik, penulis dapat membangkitkan semangat motivasi pembaca. Dalam buku ini diselitkan juga pengalaman yang ada dalam pengembaran dan penjelajahan Dr. HM Tuah di seluruh dunia. Dalam buku ini pengarang turut menceritakan tentang orang-orang Melayu yang telah berjaya dan setanding malah melebihi orang barat. Gaya penulisan, bahasa dan penyampaian yang santai dan selamba memudahkan pemahaman pembaca. Pelbagai sudut kehidupan disentuh dalam topik-topik yang pastinya mampu membangkitkan semangat pembaca untuk terus menjadi insan terbaik dan berjaya dalam kehidupan.


## SINOPSIS BUKU



MOKHTAR ISMAIL  
**Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,  
2011. 248ms.  
ISBN 978-983-46-0663-3

Buku ini memberi tumpuan tentang tatacara, jenis-jenis dan konsep-konsep penting dalam penyelidikan pendidikan. Terma seperti statistik inferens, aplikasi komputer menggunakan pukal *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) dan reka bentuk analisis penting dalam penyelidikan kuantitatif. Melalui teknik penyelidikan yang dijalankan, maklumat yang di perolehi dapat membantu dalam meningkatkan mutu pendidikan negara. Buku ini mempunyai sembilan (9) bab. Bab 1 – 6 memberi maklumat dan konsep-konsep umum berhubung dengan penyelidikan pendidikan kuantitatif. Bab 7 pula penulis mencadangkan pula pendekatan yang boleh diambil untuk mengajar kursus ini dalam satu semesta. Bab 8 pula berkaitan dengan aplikasi komputer menggunakan ujian-ujian statistik asas. Bab 9 membincangkan tentang reka bentuk analisis iaitu “antara kumpulan” dan “sesama kumpulan” yang sukar difahami jika tidak di sertakan dengan contoh-contoh dan latihan spesifik. Buku ini bukan sahaja dapat membantu pelajar dalam memahami tentang penyelidikan pendidikan bahkan mampu menjalankan sendiri kajian dalam bidang pengajian pilihannya.


## SINOPSIS BUKU



AHMAD BIN ESA,  
MUHAMAD ZAID  
MUSTAFA  
**Kemahiran insaniah :**  
**kajian di institusi-**  
**institusi pengajian**  
Batu Pahat, Johor :  
Penerbit Universiti Tun  
Hussein Onn Malaysia,  
2010. 250ms.  
ISBN 978-967-5457-08-1

Buku ini dihasilkan bagi memenuhi keperluan pembacaan pelajar, pendidik dan khalayak yang mencintai ilmu. Dalam buku ini pembaca disajikan dengan gabungan sepuluh hasil kajian ilmiah berkaitan dengan kemahiran insaniah dan dipersembahkan dengan pelbagai variasi gaya bahasa. Maklumat yang terkandung dalam penulisan ini adalah hasil daripada pelbagai sumber rujukan seperti buku, jurnal dan internet. Antara kemahiran insaniah yang diketengahkan ialah kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan dan interpersonal. Buku ini bukan sahaja ditulis bagi mengisi keperluan rujukan akademik warga institusi pengajian tinggi, tetapi juga sebagai pencetus minat dalam kalangan penyelidik untuk menghasilkan kajian lanjut dalam pembangunan modal insan. Buku ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan sumber diskusi berguna bagi golongan pembaca yang ingin meningkatkan modal insan dalam diri masing-masing dan kumpulan fokus yang dipertanggungjawabkan melahirkan modal insan kelas pertama bagi memenuhi keperluan pekerjaan negara dan antarabangsa.


## SINOPSIS BUKU



ERWAN SULAIMAN  
**Kompang**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,  
2011. 146ms.  
ISBN 978-983-46-0228-4

Kompang merupakan sejenis alat muzik tradisional masyarakat Melayu yang digolongkan dalam kumpulan gendang atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya `membranophone`. Kompang biasanya dimainkan oleh masyarakat Melayu secara berkumpulan dalam majlis perkahwinan atau acara tertentu. Buku yang mengandungi 7 bab ini memberi pendedahan kepada pembaca tentang sejarah dan asas permainan kopang serta pelbagai jenis pukulan dan lagu. Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis, khususnya menerusi kaedah pembelajaran yang membabitkan pemerhatian, peniruan dan pengujian. Buku ini juga ditulis hasil penyelidikan, pengamatan dan pengalaman empirikal serta muzikal penulis dengan memahami ilmu kompong serta faham tentang nilai dan estetikanya. Buku ini sesuai untuk bacaan umum dan akademik serta sarat dengan nilai budaya bangsa setempat.


## SINOPSIS BUKU



NORALINA OMAR  
**Lelaki idaman wanita**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications &  
Distributors, 2010. 96ms.  
ISBN 978-967-61-2416-6

Semua orang mempunyai impian tersendiri yang ingin dicapai dengan kadar seratus peratus. Lelaki inginkan seorang wanita atau isteri yang sempurna dalam segala perkara manakala wanita juga mahukan lelaki atau suami yang memenuhi kehendak hati mereka. Tidak semua lelaki memahami wanita dan tidak semua wanita memahami lelaki. Memahami dan mengenali hati dan kemahuan seseorang bukanlah sesuatu yang mudah akan tetapi tidak menjadi sukar sekiranya mempunyai ilmu pengetahuan. Keinginan dan impian tidak kira apa jua perkara perlu disusuli dengan ilmu pengetahuan. Atas alasan tersebut maka penulis telah berusaha menulis dan menurunkan ilmu yang beliau ada untuk tatapan pembaca. Pengalaman dan pengetahuan beliau mengenai keunikan, perwatakan, kelebihan, kelemahan, perkara yang dicari dalam hidup dan keperluan lelaki dalam hidup wanita telah dikongsikan di dalam buku ini. Seseorang yang membaca buku ini akan pasti tersenyum kerana ia turut menyelitkan tip kepada lelaki bagaimana untuk memikat gadis yang diimpikan. Oleh itu, setiap orang perlu dan sesuai membaca buku ini kerana ia bukan hanya sesuai untuk lelaki malahan semua.


## SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD ZAINI  
YAHAYA, MOHD SUKRI  
OTHMAN  
**Mengurus stress : Islam  
ada caranya**  
Kajang, Selangor : Soul  
Excellent Training &  
Consultancy, 2010.  
144ms.  
ISBN 978-983-44858-1-8

Stres merupakan satu ungkapan gambaran mengenai tekanan perasaan seseorang sehingga tidak mampu menjalani kehidupan normal. Sebagai manusia biasa, kita tidak akan terlepas daripada mengalami tekanan atau stres. Bezaanya adalah sama ada tekanan yang diterima itu adalah serius ataupun tidak. Seseorang itu haruslah bijak menangani stres supaya kehidupan menjadi lebih ceria. Bagi umat Islam, keimanan menjadi perisai bagi menghadapi dugaan dan ujian kehidupan. Buku ini cuba mengetengahkan cara menangani stres menurut Islam bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah serta tafsiran para ulama muktabar. Selain itu, dibincangkan juga maklumat berkenaan ciri-ciri stres dan faktor-faktor penyebabnya berdasarkan situasi melalui penulisan-penulisan moden serta pemerhatian penulis sendiri. Apa yang paling penting adalah, al-Quran dan as-Sunnah merupakan penawar bagi segala penyakit hati yang ada pada manusia. Sekiranya seseorang dapat berfikir secara positif, segala masalah dapat ditangani dengan baik, meningkatkan keyakinan diri, tidak berputus asa dan dapat membina keperibadian yang mantap.


## SINOPSIS BUKU



AMALUDIN AB. RAHMAN,  
ZAINAL MADON  
**Menyambut zuriat :  
pendekatan kaunseling  
keibubapaan**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications & Distributors,  
2010. 87ms.  
ISBN 978-967-61-2413-5

Anak merupakan anugerah dan amanah daripada Allah SWT yang tidak ternilai dalam kehidupan berumah tangga. Anak menjadi tanda pengikat kasih dan menceriakan ibu bapa. Justeru, ibu bapa perlu membuat persediaan untuk memiliki zuriat serta mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan pendidikan yang sempurna bagi membentuk jati diri anak-anak. Buku ini memberikan panduan dan kaunseling keibubapaan bermula dari saat berumah tangga, saat menyambut zuriat dan cara didikan anak. Penggunaan hadis dan terjemahan dari Al-Quran turut diselitkan dalam buku ini yang sesuai dijadikan panduan bagi bakal ibu bapa, pengasuh taman asuhan, pekerja sosial dan penjaga yang ingin mendapatkan tip berguna tentang kaedah asuhan anak-anak yang berkesan.


## SINOPSIS BUKU



MOHD RIDHUAN TEE  
ABDULLAH  
**Nasib Melayu di bumi  
Melayu**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications &  
Distributors, 2010. 191ms.  
ISBN 978-967-61-2421-0

Buku ini menghimpunkan sebahagian daripada tulisan Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah yang telah disiarkan dalam akhbar Mingguan Malaysia dan majalah Al-Islam. Persoalan utamanya banyak berkisar tentang politik silang budaya, terutamanya antara Melayu dengan bukan Melayu. Fokusnya lebih menjurus kepada nasib Melayu di bumi mereka sendiri. Persoalan kenapa dan mengapa orang Melayu masih ketinggalan di buminya sendiri sedangkan sudah ada peruntukan, keistimewaan dan perlindungan dalam perlombagaan menjadi kuperasan utama buku ini. Ia juga mengajak pembaca khususnya bangsa Melayu untuk berfikir sejenak dan merenung nasib mereka sendiri. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan untuk semua peringkat termasuk ahli akademik, penuntut IPTA dan IPTS, pelajar sekolah dan masyarakat umum.

## SINOPSIS BUKU




ROBIAH K. HAMZAH  
**Nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,  
2011. 201ms.

ISBN 978-983-46-0603-9

Dalam sesebuah masyarakat, nilai murni amat perlu diterapkan bagi mewujudkan suasana yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Usaha penerapan nilai murni ini perlu dilakukan pada peringkat awal proses sosialisasi lagi, iaitu semasa individu itu berada pada peringkat persekolahan. Falsafah Pendidikan Negara melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) berhasrat supaya generasi muda yang dididik mempunyai asas nilai murni yang kukuh. Buku ini dihasilkan melalui kajian kes yang menggunakan kerangka teoretis berdasarkan pendekatan penerapan nilai dalam pengajaran bahasa Melayu. Dalam pengajaran Bahasa Melayu penerapan nilai murni kepada pelajar amat penting bagi mewujudkan satu suasana masyarakat yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Buku ini sesuai dijadikan rujukan oleh guru bagi menerapkan pendidikan nilai melalui pelajaran bahasa Melayu. Buku ini merupakan kajian penulis tentang penerapan nilai murni melalui pengajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah. Kajian penulis adalah berasaskan penerapan 16 nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu dan cara pelaksanaannya dapat disesuaikan dengan keperluan pendidikan nilai yang dilaksanakan dalam KBSM.

## SINOPSIS BUKU



**REDZUAN AHMAD**  
**Panduan fotografi komposisi & cahaya**  
**termasuk fotografi digital**  
Kuala Lumpur : Redzuan Fotimedia, 2010. 307ms.  
ISBN 978-983-43133-0-2

Komposisi dan cahaya ialah elemen utama dalam seni foto. Peranan kedua-dua unsur ini akan memberi kesan dan hasil cerita yang berbeza. Susun atur objek, subjek atau lokasi yang digambarkan dari sudut yang berbeza akan memberi impak yang menarik jika ia diadun dengan bijak. Penggunaan bahasa yang mudah dan contoh gambar-gambar foto yang digunakan telah diselitkan bagi membantu pembaca memahami isi kandungan buku ini dengan lebih berkesan. Buku ini amat sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan untuk pelajar pusat pengajian tinggi yang mengambil kursus dalam bidang fotografi atau media massa serta semua peminat fotografi, sama ada golongan yang menjadikan ia sebagai hobi, bidang kerjaya maupun perniagaan.


## SINOPSIS BUKU



MOHAMAD NAJIB ABDUL GHAFAR  
**Pembangunan organisasi pendidikan**  
Skudai, Johor : Penerbit UTM Press, 2010. 201ms.  
ISBN 978-983-52-0749-5

Perubahan sentiasa berlaku secara dalaman atau luaran. Manusia dan persekitaran berubah untuk kesenangan, kesempurnaan dan kesinambungan kehidupan. Pembangunan organisasi merujuk kepada perubahan dalam organisasi melalui beberapa siri dan aktiviti terancang untuk mencapai sesuatu matlamat. Buku ini membincangkan konsep pembangunan organisasi secara terperinci merujuk kepada situasi universiti, kolej, sekolah dan institusi pendidikan lain. Ianya sesuai untuk pengurus dan pembuat polisi organisasi yang memerlukan perubahan demi berdaya saing dalam perniagaan mereka. Bab awal menerangkan secara ringkas pembangunan dan perubahan organisasi serta konsep intervensi yang boleh dilaksanakan sebagai strategi perubahan terancang. Bab-bab seterusnya menerangkan secara lebih terperinci setiap komponen konsep dan kaedah yang boleh dilaksanakan untuk menangani isu-isu perubahan.


## SINOPSIS BUKU



AB AZIZ YUSOF  
**Pengenalan kepada usahawan dan keusahawanan**  
Kuala Lumpur :  
Scholarmind Pub., 2010.  
348ms.  
ISBN 978-98344813-2-2

Buku *Pengenalan Kepada Usahawan dan Keusahawanan* ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran betapa pentingnya untuk menyediakan seorang usahawan dalam mempersiapkan dirinya untuk menjadi usahawan yang berjaya. Usahawan adalah penggerak kepada kemajuan ekonomi sesebuah negara. Mereka mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor kepada penduduk dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam sesebuah negara. Pendedahan dan latihan yang berterusan dalam bidang keusahawanan adalah penyelesaian kepada masalah kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan dan tidak terlalu bergantung harap untuk bekerja makan gaji dengan kerajaan khususnya bagi golongan lepasan sekolah dan juga lulusan institusi pengajian tinggi. Kerajaan dan swasta berperanan penting dalam menyediakan insentif samada dalam bentuk modal dan bimbingan supaya dapat menggalakkan golongan tersebut menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan seterusnya dapat bersaing dalam arena perniagaan global. Usahawan dan keusahawanan boleh dibangunkan melalui pendidikan, pendedahan dan pengalaman.

## SINOPSIS BUKU



AB ALIM ABDUL RAHIM,  
KAMARULZAMAN  
KAMARUDDIN


**Psikologi bilazim :  
punca, kriteria, dan  
rawatan terhadap  
individu berperilaku  
tidak normal**

Kuala Lumpur : Utusan  
Publications &  
Distributors, 2010. 286ms.  
ISBN 978-967-61-2335-0

Terdapat sesetengah individu yang berfikiran, berperasaan, dan bertingkah laku dalam keadaan bilazim (tidak normal) dalam masyarakat. Penghidap gangguan ini berlaku kepada individu tanpa mengira masa, umur, tempat, situasi, status sosial ekonomi, golongan, cara hidup, agama, dan bangsa. Individu seperti ini tidak boleh diterima oleh masyarakat kerana menjalani hidup yang bertentangan daripada norma masyarakat. Perlakuan ini harus diawasi kerana ia akan menyebabkan gangguan, kerosakan dan menjadi beban kepada masyarakat umumnya. Buku ini disusun berasaskan kursus psikologi bilazim bagi program ijazah sarjana muda dalam pelbagai cabang psikologi dan kaunseling di universiti di Malaysia. Ia amat sesuai dijadikan panduan bagi pembaca yang ingin memahami aspek psikologi manusia dari segi punca, kriteria, dan rawatan terhadap individu berperilaku tidak normal.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



KAMARUDIN HJ HUSIN  
**Psikologi pembelajaran**  
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,  
2010. 534ms.  
ISBN 978-967-61-2396-1

Buku ni merupakan cetusan pemikiran ke arah memperkayakan konsep keilmuan dalam pelbagai bidang seperti perkembangan pembelajaran, strategi pengajaran dan pendidikan kaunseling. Semua huraian dalam buku ini merangkumi konsep, kaedah, teori dan teknik pengajaran serta pembelajaran untuk membentuk daya pemikiran yang kreatif yang sistematis. Buku ini mengambil satu pendekatan baru yang menggabungkan pengetahuan psikologi dengan fenomena pembelajaran. Buku ni juga memperlihatkan bagaimana pelbagai aspek psikologi dieksplorasi dan diserapkan di dalam sesuatu proses pembelajaran yang bertujuan untuk menciptakan satu bentuk pengajaran yang benar-benar dapat memperlihatkan satu keharmonian antara pengetahuan psikologi dengan pelbagai aspek pedagogi.

## SINOPSIS BUKU



HAMDY  
**Rancang bahagia suami isteri**  
Setapak, Kuala Lumpur :  
Imedia Production, 2010.  
252ms.  
ISBN 978-983-40478-9-4

Kebahagiaan dalam rumah tangga adalah satu perkara yang diidamkan oleh semua pasangan suami isteri dan merupakan asas yang penting dalam mencapai keharmonian dalam berkeluarga. Buku ini mengupas tentang hubungan suami dan isteri dalam kehidupan seharian untuk mencapai kebahagian dan keharmonian dalam berumahtangga. Buku ini mengajak para suami dan isteri untuk membawa keluarga ke syurga, mengajak suami membelai isteri, mengajak isteri menawan suami dan mengingatkan isteri supaya mengambil tahu hal harta dan harta sepencarian. Buku ini juga mengajak suami untuk terus merancang kewangan dalam keluarga bagi keharmonian bersama. Buku ini ada sesuai sebagai bahan bacaan kepada golongan suami dan isteri serta pasangan yang akan mendirikan rumah tangga untuk mendalami ilmu alam rumah tangga.

## SINOPSIS BUKU

**Abdul Rahman  
Hj. Abdullah**


**SEJARAH  
IKHTILAF MAZHAB  
DI MALAYSIA**  
SUATU KAJIAN TENTANG  
PERKEMBANGAN PEMIKIRAN  
TAJIDID DAN ISLAH

ABDUL RAHMAN HJ.  
ABDULLAH  
**Sejarah ikhtilaf mazhab di  
Malaysia : suatu kajian  
tentang perkembangan  
pemikiran tajdid dan islah  
di Malaysia**

Shah Alam : Karisma  
Publications, 2010. 343ms.  
ISBN 978-983-195-468-3

Memahami dan mengetahui dengan jelas mengenai isu-isu khilafiah agama adalah amat penting untuk memantapkan keyakinan dan keimanan kepada Allah. Atas dasar khilafiah ini dan pertikaian antara mazhab telah mencetuskan idea kepada beliau untuk menulis buku ini. Penulis turut memberi penjelasan mengenai sejarah gerakan islah dan gerakan tajdid di Malaysia. Pertikaian dalam persoalan agama ini tidak pernah selesai di kalangan masyarakat tradisional dan golongan reformis sehingga kadang kala menimbulkan pergaduhan sehingga Imam Hasan al-Banna dalam ungkapannya yang berasal daripada pendapat Sayyid Muhammad Rasyid Rida,"Kita bekerjasama dalam perkara yang kita sepakati dan kita saling memaafkan antara satu sama lain dalam perkara yang kita berselisih pendapat". Sebagai contoh tradisi mandi safar yang dipopularkan di negeri Melaka, khususnya di Tanjung Keling. Walaupun jelas bercanggah dengan aqidah, namun kerajaan Melaka tidak menghapuskannya, sebaliknya ditukar nama kepada Pesta Budaya Negeri. Pelbagai perkara telah dibahaskan di dalam buku ini dari ilmu Fardhu Ain hingga kepada bidang Fiqh. Buku ini dapat menambah lagi ilmu pengetahuan pembaca, kerana penulis telah membuat rujukan dan penyelidikan dari pelbagai sumber.

## SINOPSIS BUKU




MUHD. YUSOF IBRAHIM  
**Sejarawan dan  
persejarahan Melayu :  
warisan &  
kesinambungan**

Kinrara, Selangor : Tinta  
Publishers, 2010. 209ms.  
ISBN 978-967-5123-27-6

Penulis cuba membawa pembaca mengingati semula akan sejarawan-sejarawan yang sudah agak dilupakan oleh masyarakat kini dengan menulis buku ini. Barisan sejarawan turut dimuatkan bersama hasil tulisannya sebagai kaitan dan pelengkap dalam penulisan buku ini. Walaupun pengkajian tentang sesuatu perkara yang berkaitan tentang sejarah memerlukan masa yang agak lama, tetapi sebagai masyarakat yang mempunyai negara dia perlu tahu sekurang-kurangnya akan sejarah diri dan negara kerana daripada sejarah tersebut akan menjadikan seseorang itu mempunyai jati diri yang tinggi. Sebagai contoh, tulisan Muhammad Ibrahim Munsyi, beliau berkata, "Semua aku sebutkan di akhir hikayatku ini supaya menjadi zaman dan boleh diketahui oleh orang-orang yang terkemudian zamannya", yang bermaksud tujuan penulisannya adalah untuk menyebarkan pengetahuan kepada generasi akan datang. Usaha penulis ini amat wajar disokong dan perlu diberi perhatian oleh semua memandangkan penulisan sedemikian agak sukar untuk dijumpai di pasaran pada masa kini. Walau bagaimanapun pembaca akan berasa teruja setelah membaca buku ini dan ianya sesuai dibaca oleh semua golongan sebagai pengenalan kepada sejarawan Melayu serta perkembangannya.


## SINOPSIS BUKU



TEH ROHAYA YUSUF  
**Selera sayangku**  
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2011. 176ms.  
ISBN 978-983-124-627-6

Selera anak-anak kadangkala sukar difahami oleh ibu dan selera itu akan sentiasa berubah-ubah. Buku *Selera Sayangku* ini boleh memenuhi selera anak-anak dengan lebih 70 pelbagai resipi daripada majalah Pa&Ma dan dibahagikan kepada lima bab. Resipi-resipi yang dikongsi merangkumi penyediaan pemakanan dari peringkat bayi berusia enam bulan hingga kepada kanak-kanak berusia enam tahun atau lebih. Buku ini juga turut memuatkan panduan dan maklumat tentang pemakanan untuk rujukan para ibu. Beberapa soal jawab berkaitan pemakanan anak-anak turut dimuatkan di dalam buku ini. Buku ini sesuai untuk para ibu dalam membantu penyediaan pelbagai menu yang berkhasiat untuk pembesaran anak-anak. Semoga buku setebal 176 halaman ini dapat memberikan inspirasi dan cetusan idea di kalangan ibu-ibu untuk menyediakan makanan yang lazat dan digemari anak-anak.


## SINOPSIS BUKU



HASSAN MINHAD  
SULAIMAN  
**Sepak takraw moden :  
rahsia terkini permainan  
double killer**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications & Distributors,  
2010. 140ms.  
ISBN 978-967-61-2388-6

Sepak takraw yang juga dikenali sebagai sepak raga amat popular sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Pada awalnya permaianan ini tidak mempunyai peraturan atau undang-undang, tetapi kini ianya dimainkan dengan mengikut peraturan dan undang-undang. Aspek penting dalam permainan sepak takraw ini adalah latihan kekuatan stamina, kelembutan dan kekuatan fizikal seperti kemahiran timangan bola, sepak mula tekong, tandukan atau pukulan kaki, membina kekuatan diri, ketahanan mental dan kemahiran menguasai gelanggang. Penulis cuba menerangkan kesemua perkara-perkara penting dengan cara yang mudah difahami oleh pembaca. Selain itu penulis turut menyelitkan antara negara-negara yang mempunyai permainan tradisional yang mirip kepada permainan sepak raga dan perkembangan corak permainan ini mengikut peredaran masa. Buku ini amat menarik untuk dibaca oleh peminat terutama pemain sepak takraw dan semua golongan masyarakat .

## SINOPSIS BUKU



SHUKUR  
**Stop! Look, go-**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2011. 222ms.  
ISBN 978-983-124-622-1

Buku ini menyingkap pemerhatian dan pemikiran seorang warga istimewa tentang kehidupan masyarakat sekeliling. Kehidupan yang kita lalui seharian di muka bumi ini tiada bezanya semasa melalui jalan raya berulang alik ke tempat kerja atau ke sesuatu destinasi. Setiap perjalanan, sudah pastinya terdapat halangan dan liku. Sebagai manusia biasa, kadang-kadang samada sengaja atau tidak, kita melanggar peraturan keselamatan yang boleh mengundang bahaya, oleh itu kita terpaksa berhati-hati demi keselamatan. Buku ini mengajak kita berfikir akan segala kebenaran dan kebatilan, sekaligus boleh memperbaiki segala kelemahan dan kesilapan diri, disamping ingat-memperingati antara satu sama lain. Nilai murni perlu diterap dalam diri setiap insan untuk membentuk keharmonian hidup bermasyarakat.


## SINOPSIS BUKU



**Strategi menyusun hidup secara berkesan : melalui teknik graf hayat**  
Klang, Selangor : Aurada Resources, 2011. 200ms.  
ISBN 978-967-0218-014

Buku ini merupakan panduan motivasi berguna bagi mengurus kehidupan dengan lebih berkesan. Satu kaedah yang dikenali graf morfomatik atau graf hayat menunjukkan pergerakan prestasi hidup manusia sepanjang usia. Daripada graf tersebut, anda boleh melihat pergerakan kehidupan individu yang ada turun naik dan setiap naik turun graf tersebut ada maksudnya. Kaedah ini bukanlah untuk menilik nasib, tetapi sekiranya digunakan secara positif bagi mengurus, mengenalpasti dan mengurus konflik dengan baik pasti dapat memberi peluang untuk memperbaiki diri. Ramai yang bersemangat untuk berjaya tetapi tidak membuat persediaan awal untuk berjaya. Apa yang perlu dilakukan adalah dengan mengkaji semula sepesifikasi diri dengan melihatnya melalui metafizik. Lakukan perubahan untuk kembali ke landasan yang betul. Kita akan lebih yakin dan tenang sekiranya mampu memahami kehendak sendiri.


## SINOPSIS BUKU



**Strategi pengajaran guru cemerlang**  
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2010. 366ms.  
ISBN 978-967-61-2331-2

Buku ini menghimpunkan makalah yang padat dengan idea dari kalangan guru cemerlang dan ahli akademik. Bukan suatu tugas yang mudah untuk para guru menyampaikan ilmu, mendidik para pelajar yang mempunyai seribu satu kerennah dan ragam supaya dapat melahirkan modal insan kelas pertama. Beberapa mata pelajaran seperti bahasa Melayu, seni visual, fizik, sains, penulisan kreatif dan gramatis, telah dijadikan eksperimen oleh guru-guru cemerlang ini. Walaupun hanya beberapa subjek sahaja yang dinyatakan dalam buku ini, tetapi ianya boleh diguna pakai kepada subjek yang lain. Seterusnya beberapa contoh pengajaran dan pembelajaran (P&P), yang digunakan dan telah dipraktikkan yang mana ia telah menampakkan perubahan yang positif kepada anak didik guru-guru tersebut. P&P perlu disediakan dengan kemas, rapi dan lengkap supaya guru dapat menyampaikan ilmu mereka dengan berkesan selain faktor-faktor yang boleh menarik minat anak murid kepada satu-satu mata pelajaran yang diajar. Kepelbagaiannya idea, kaedah dan teknik yang dikongsi di dalam buku ini amat memberi manfaat kepada para pendidik, bakal guru dan ibu bapa.

## SINOPSIS BUKU



AKRAM, A.I  
**Sword of Allah : Khalid  
Bin Al-Waleed**  
Selangor : Nickleodeon  
Books (M), 2011.  
ISBN 978-983-3093-82-3

The objective of this book published was to record and make known to the world the life and military achievements of Khalid bin Al-Waleed. Khalid Bin Al-Waleed was one of the greatest generals in history, and one of the greatest heroes of Islam. Muslim history is full of great military achievements and glorious feats. In the history of wars there are no battles that can surpass, in brilliance and decisiveness, the battles of Islam, no commanders who can surpass, in courage and skill, the gifted general of Islam. The book clearly mention about the battles fought in the time of the Holy Prophet may appear to the reader to be more a military biography of Prophet Muhammad S.A.W than of Khalid. This is unavoidable events which occurred in Arabia in the Prophet's time whether religious, political, economic, cultural or military were so completely dominated by the Messenger of Allah that no writer can describe these events without reflecting in his account the tremendous impact of the personality of Muhammad S.A.W and the new message which he brought as the last Apostle of God. The book was such excellence because it has been translated from English into Arabic and is currently sold in bookshops throughout the Arab World.


## SINOPSIS BUKU



ZULNAIDI YAACOB  
**Teknik urus wang  
individu berkesan**  
Kuala Lumpur : Mustread,  
2010. 140ms.  
ISBN 978-967-5426-34-6

Buku ini menerangkan tentang teknik-teknik yang boleh digunakan untuk menguruskan kewangan secara berkesan dengan pelbagai cara. Terdapat enam teknik yang diketengahkan oleh penulis untuk menguruskan wang dengan baik. Buku ini sangat sesuai bagi individu yang masih tercari-cari teknik-teknik serta kaedah-kaedah terbaik yang boleh dipraktikkan dalam menguruskan kewangan mereka. Terdapat beberapa teknik yang disampaikan kepada individu yang kekurangan wang, yang salah menguruskan wang serta bagaimana wang itu diperoleh, diurus dan akhirnya ke mana dan bagaimana wang itu dibelanjakan. Melalui buku ini, penulis ingin mengajak pembaca untuk memahami bahawa wang tidak lebih dari sekadar alat untuk berbelanja. Buku ini akan juga menerangkan tentang bagaimana wang berfungsi. Untuk mencapai objektif agar wang dapat digunakan secara optima, maka wang yang ada perlu diuruskan dengan bijak.

## SINOPSIS BUKU



ASMAH HAJI OMAR,  
DATO'

**Teori dan kaedah nahu :  
sejarah pertumbuhan  
aliran pemikiran**


Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka,  
2011. 206ms.

ISBN 978-983-46-0597-1

Buku ini mengupas tentang perkembangan fikiran dalam menganalisis bahasa dari zaman Yunani Kuno hingga sekarang ini. Analisis bahasa dalam zaman silam itu merupakan bahagian dari falsafah pada amnya. Dari abad ke abad ahli-ahli fikir membawa pengertian bahawa bahasa berurat akar pada fikiran dan dengan itu membentuk cara kita melihat alam sekeliling kita. Pada masa yang sama bahasa juga merupakan unsur sosial dan budaya yang tidak dapat disisihkan dari kehidupan masyarakat manusia yang ada hubung jalin dalam zaman yang sama dan juga merentasi zaman. Semuanya ini menjadi falsafah yang mengasaskan pelbagai teori dan kaedah menganalisis nahu yang dipaparkan dalam buku ini. Buku ini dapat menolong penuntut dan pengkaji membuat pilihan teori dan kaedah dalam menganalisis nahu sesuatu bahasa sesuai dengan matlamat kajiannya.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




NURISYA MAHADZIR  
**Tokoh kepimpinan  
Nusantara**

Kuala Lumpur : Brainmax  
Enterprise, 2010. 208ms.  
ISBN 978-967-5187-70-4

Buku ini diterbitkan kerana ingin berkongsi pengetahuan dengan pembaca tentang beberapa orang tokoh ilmuan Islam silam yang terunggul, tokoh-tokoh pemimpin yang tersohor di Malaysia maupun di Nusantara, dan juga tokoh-tokoh ilmuan dan cendekiawan dari Barat. Kesemua tokoh yang diterangkan di dalam buku ini menceritakan dari aspek latar belakang sehingga kepada sumbangan besar terhadap perkembangan tamadun manusia di Asia Tenggara khususnya dan di dunia amnya. Pengarang sedaya upaya cuba memuatkan fakta dan maklumat terkini serta memberi penerangan secara terperinci mengenai tokoh-tokoh ini. Isi kandungan serta maklumat amat sesuai dan sangat bermanfaat terutamanya kepada para penyelidik dan ahli akademik untuk dijadikan sebagai bahan rujukan ilmiah dan juga bagi pembaca awam lain yang ingin menambah ilmu pengertahuan. Menerusi buku ini juga para pembaca dapat mengenali dan menghayati perjuangan tokoh-tokoh Islam yang merupakan pengasas dalam pelbagai disiplin ilmu yang menjadi rujukan kepada tokoh-tokoh Barat. Pembaca juga dapat mengetahui keperibadian dan aspek perjuangan seseorang tokoh yang disegani dan dihormati yang telah memberikan sumbangan besar terhadap perubahan sosio-budaya khususnya di alam Melayu dan amnya di Nusantara ini.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



HAJI SAIF @  
SHAIFFUDDIN HAJI  
DAUD  
**Transformasi sosial  
menerusi Islamisasi di  
kalangan Orang Dusun  
di Ranau, Sabah**  
Kota Kinabalu : Jabatan  
Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sabah, 2010.  
131ms.  
ISBN 978-983-2053-31-6

Buku ini membincangkan mengenai masyarakat Dusun yang tinggal di antara pesisiran pantai dan pedalaman negeri Sabah. Menurut kajian di dalam buku ini, masyarakat Dusun terbahagi kepada dua rumpun terbesar iaitu rumpun Dusunik dan rumpun Paitanik. Seterusnya rumpun tersebut terbahagi kepada etnik- etnik kecil dan menamakan etnik mereka dengan nama yang berbeza-beza. Misalnya rumpun Dusunik, etnik- etnik yang tergolong di dalamnya adalah Bisaya, Begahak, Dumpas, Keliak dan sebagainya. Manakala rumpun Paitanik pula adalah etnik Sungei, Lingkabau, Sagamo, Tambanua dan lain-lain. Tradisi asing telah memberi impak kuat kepada sosio ekonomi masyarakat Dusun serta mengubah alam fikiran mereka seperti faktor kedatangan orang Cina, orang Islam dan juga orang Barat. Pandangan dan konsep Orang Dusun Animis turut dikupas dengan komprehensif bagi masyarakat luar mengetahui dan mengenali mereka dengan lebih dekat lagi. Buku setebal 131 halaman ini, turut membincangkan transformasi sosial yang berlaku di kalangan orang Dusun.


## SINOPSIS BUKU



JOMO K.S.  
**Warisan ekonomi Mahathir**  
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2010. 266ms.  
ISBN 978-967-61-2386-2

Buku ini membincangkan mengenai warisan dasar ekonomi setelah Tun Dr. Mahathir bersara pada Oktober 2003. Bawah pimpinan Mahathir, perkembangan perbelanjaan sektor awam terutamanya perusahaan awam bukan kewangan ataupun agensi di luar belanjawan dalam perkembangan adalah amat penting. Beliau dilihat ingin menjadikan Malaysia sebuah negara industri baru bawah pimpinan usahawan bumiputera. Dasar-dasar yang diperkenalkan merupakan usaha serius beliau dalam memodenkan dan mengubah Malaysia menjadi apa yang telah wujud sekarang. Kesan daripada dasar serta institusi yang beliau perkenalkan masih mempengaruhi prestasi ekonomi, perkembangan masyarakat serta politik di Malaysia hingga hari ini. Buku ini diterbitkan sebagai panduan supaya kesilapan lalu tidak diulangi di samping dapat memastikan kemajuan yang adil dan makmur bagi seluruh rakyat di negara ini.

## SINOPSIS BUKU



AHMAD ATORY HUSSAIN

AHMAD ATORY  
HUSSAIN  
**YB oh YB! : antara  
peranan dan  
tanggungjawab**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications &  
Distributors, 2010. 349ms.  
ISBN 978-967-61-2379-4

Secara umumnya peranan YB itu meliputi aspek politik, pembangunan, sosioekonomi, pentadbiran dan pengurusan organisasi serta NGO, dan aspek kemasyarakatan dan keagamaan. Perkembangan politik majmuk telah memberi persaingan dan cabaran dalam sistem politik di Malaysia. Buku ini menjelaskan cara pemilihan dan peranan wakil rakyat pada tahun 1980 hingga 1990-an, sehingga pengenalan kepada Wawasan 2020 kerana tugas wakil rakyat menjadi lebih mencabar dan berat. Pertukaran pucuk pimpinan utama turut menjadi faktor penting kepada perubahan peranan dan tugas wakil rakyat dan seterusnya kewujudan kod etika wakil rakyat BN kerana dengan adanya kod berkenaan merupakan permulaan untuk mengangkat martabat wakil rakyat di Malaysia. Penulis juga mengupas mengenai wakil rakyat di Malaysia yang lebih cenderung kepada aspek global selari dengan perubahan masa, ilmu pengetahuan dan cara masyarakat Malaysia berfikir. Wakil rakyat dan juga calon wakil rakyat dicadangkan membaca buku ini, begitu juga rakyat Malaysia amat digalakkan membacanya.